Sun microsystems
The Network is The Computer

TRIBUN PUTRA

Lotus
Working Together

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

http://www.tribun-putra.upm.edu.my

*Wadah Gagasan Keprihatinan*

Bil 2 • KDN:PP10540/7/99 • 5 September 1998 Harga: 50sen / Harga Kampus: 30sen


# Menteri Pendidikan Kagum Kemajuan UPM

SERDANG - Lawatan setengahari Dato' Sri Hj. Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak, Menteri Pendidikan Malaysia pada 4 Ogos 1998 yang lalu agak padat. Beliau telah melancarkan akhbar universiti, Tribun PUTRA, menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman *(MoU)* antara UPM dengan tiga Syarikat Komputer, SUN Microsystems, Lotus dan AccTrak21. Dato' Sri Najib juga telah merasmikan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan yang ditubuhkan pada 1 Ogos 1996. Pada hari tersebut dua buah buku iaitu ***Stock Pricing in Malaysia*** (karya Prof. Mohamed Ariff, Prof. Madya Dr. Shamsher Mohamad dan Prof. Madya Dr. Annuar Md. Nassir), ***Kunci Komputer*** (karya Prof. Dato' Dr. Zohadie Bardaie dan Dr. Mohamed Daud) dan ***Perancangan Strategik*** (karya Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Mohamed) telah dilancarkan.



*Penggerak utama Tribun berdiri megah bersama Menteri Pendidikan*



*Dato' Sri dan Tan Sri khusyuk berdiskusi*



*Dato' Sri Najib bersalam dengan pelajar antarabangsa*



*Dato' Sri Najib tertarik dengan isi kandungan Tribun PUTRA*

# Perang Poster : Demokrasi Terpelihara di Kampus PUTRA




Foto : Ahmad Fua'ad Alwi

**SERDANG - Kampus UPM diserang oleh ribuan poster yang digantung di sepanjang jalan-jalan utama dan di tempat-tempat strategik. Pada tahun ini perang poster didapati paling hebat dalam sejarah UPM. Pengundian berjalan lancar pada hari Khamis 20 Ogos 1998.**

Pertandingan berlaku 3 penjuru. Calon-calon adalah terdiri daripada Angkatan Mahasiswa Bersatu (AMB), Intektual Pendukung Kebajikan Mahasiswa (IPKM) dan Calon bebas.

**AMB Menang Besar**

Pengiraan undi dijalankan di Dewan PKKSSAAS (Dewan Besar), dari 8.30 pagi hingga 4.15 petang dan pengiraan dibuat pada 8.30 malam hingga 3.00 pagi untuk kawasan bebas. Bagi kawasan Fakulti pengiraan telah dibuat lebih awal lagi iaitu pada jam 4.30 petang hingga 7.00 malam. Pilihanraya kali ini memihak kepada AMB dengan AMB memenangi 5 kerusi yang jauh ketinggalan-IPKM hanya memenangi 5 kerusi dari 36 kerusi yang ditandinginya.

Dalam satu temuramah dengan Tribun, Pengerusi Sekretariat Pilihanraya, Prof. Dr. Hj. Rahim Md. Sail menyatakan bahawa pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) diadakan sebagai suatu proses pembelajaran Demokrasi untuk perwakilan pelajar dan kelancaran perjalanan badan perwakilan pelajar.


ap/BUL
1998
1

# PELUANG PENGAJIAN SISWAZAH DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

- Arbaiyah Mohd Isa

Selaras dengan kehendak negara, Universiti Putra Malaysia (UPM) membuka peluang kepada semua yang berkelayakan dan berminat untuk melanjutkan pengajian mereka ke peringkat PASCA siswazah. Peluang ini bukan sahaja dimanfaatkan oleh warga negara Malaysia sahaja, bahkan juga mereka yang dari negara-negara lain. Program PASCA siswazah atau ijazah lanjutan di Universiti Putra Malaysia sebenarnya bermula pada tahun 1975. Ia merupakan sebahagian daripada usaha universiti untuk mewujudkan keadaan di mana masyarakat dapat menikmati, menghayati, mengetahui dan menghasilkan ilmu dengan mudah. Matlamatnya ialah untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk meningkatkan pengajian dan kemahiran yang lebih tinggi, memberi pendedahan kepada mereka membuat kajian atau penyelidikan secara bebas serta mewujudkan semangat menimba ilmu sebanyak yang mungkin.

Untuk mengkoordinasikan dan mengawasi mutu pelbagai program dan bidang yang ditawarkan, UPM telah menubuhkan Pusat Pengajian Siswazah yang diketuai oleh seorang Dekan. Pusat juga bertanggungjawab menyebarkan maklumat mengenai program, memproses permohonan dan mengawasi pengajian semua pelajar berjalan dengan teratur dan menurut peraturan yang disediakan. Ramai juga pelajar yang tidak mempunyai penganjur untuk mengikuti pengajian mereka. Walau pun terhad, Pusat juga mempunyai peranan dalam menyelaras bantuan biasiswa dan bantuan kewangan lain.

Pengalaman UPM dalam pengajian ijazah lanjutan selama 20 tahun telah berjaya mengeluarkan lebih daripada 1,400 graduan Masters dan Doktor Falsafah dalam pelbagai bidang sains dan teknologi dan sains sosial. Ramai dari kalangan mereka ini telah menjadi para saintis, akademik dan profesional yang berjaya hari ini. UPM juga berjaya menarik minat pelajar-pelajar dari 44 buah negara termasuk negara yang telah membangun seperti Jepun dan Amerika Syarikat. Setakat bulan Ogos 1998, jumlah pelajar ijazah lanjutan di UPM adalah seramai 3,041 orang yang mana 502 orang daripadanya adalah pelajar dari luar negara. Tren menunjukkan bahawa jumlah ini akan makin bertambah terutama sekali dengan adanya bidang-bidang baru yang akan diperkenalkan.

UPM sekarang ini menawarkan pelbagai bidang utama pengajian ijazah lanjutan yang merangkumi bidang-bidang seperti sains gunaan, sains komputer, teknologi maklumat, pertanian, sains makanan, bioteknologi, perhutanan, perubatan veterinar, kejuruteraan, pengajian pendidikan, pengajian bahasa moden, perubatan, kesihatan komuniti, komunikasi, ekonomi, senibina dan lanskap, dan pengurusan serta pembangunan manusia.

Beratus sub-bidang telah ditawarkan bawah bidang-bidang utama ini. Usaha masih di pertingkatkan lagi untuk mengenal pasti sub-bidang-sub-bidang baru untuk menampung keperluan pendidikan negara dan rantau ini.

Bergantung kepada minat dan matlamat, pelajar boleh memilih jenis tatacara pengajian yang ingin diikuti. Program-program yang ditawarkan mempunyai cukup pilihan yang boleh dibuat oleh calon. Dalam pengendalian program-programnya, UPM telah menggunakan tiga pendekatan utama, iaitu berdasarkan penyelidikan dan penghasilan tesis, kerja-kursus atau kedua-duanya sekali. Bagi mereka yang ingin menjadi seorang penyelidik yang berkaliber, pendekatan yang patut digunakan ialah melalui penyelidikan dan tesis. Program yang dilaksanakan melalui kursus sahaja adalah bertujuan untuk membolehkan pelajar meningkatkan pengetahuan dan kemahiran profesionalisme mereka. Kursus-kursus dikendalikan dan projek-projek penyelidikan diseliakan oleh pakar-pakar yang berkelayakan dan berpengalaman. Kemudahan dan alat-alat yang digunakan adalah moden dan canggih setanding dengan pusat-pusat kecemerlangan lain. Selain dari itu, untuk memantapkan lagi kualiti pengajian atau penyelidikan, pemeriksa-pemeriksa luar juga dilantik untuk membuat penilaian ke atas prestasi pelajar.

Ijazah-ijazah yang ditawarkan termasuklah Master Sains, Master Alam Sekitar, Master Ekonomi, Master Pentadbiran Perniagaan, Master Perubatan Veterinar, Master Sains Veterinar, Master Sains Pertanian, Master Sastera, Master Senibina Landskap dan Doktor Falsafah.

Untuk menyertai sesuatu program Master, seseorang calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Peringkat Kelas Dua Atas atau yang setara dengannya. Calon yang tidak mempunyai kelayakan di atas tetapi mempunyai pengalaman yang mencukupi serta sesuai dengan bidang yang dipohon boleh juga dipertimbangkan.

Bagi mereka yang ingin mengikuti program kedoktoran, calon hendaklah mempunyai Ijazah Master daripada UPM atau universiti-universiti lain yang diiktiraf. Selain daripada itu, seseorang calon juga perlu menunjukkan kemahiran dan keupayaan untuk menjalani penyelidikan serta boleh berdikari.

Jangkamasa pengajian bagi menamatkan program pengajian bergantung kepada status pendaftaran (sepenuh atau separuh masa) dan kemajuan seseorang pelajar dalam kerja kursus dan penyelidikan. Tempoh minima bagi menamatkan program Master adalah dua semester (satu tahun) dan bagi program kedoktoran adalah empat semester (dua tahun).

Bahasa pengajian bagi semua ijazah lanjutan ialah sama ada Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia atau kedua-duanya sekali. Pada masa ini, kebanyakan pelajar yang mendaftar, menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengajaran. Pelajar-pelajar antarabangsa dikehendaki mengambil Bahasa Malaysia di peringkat yang minima yang dapat membantu mereka untuk berkomunikasi .

Secara umumnya, yuran asas bagi ijazah Master ialah sebanyak RM 1,400 setahun dan ijazah Kedoktoran sebanyak RM 2,400 setahun. Pelajar-pelajar antarabangsa dikehendaki membayar yuran, tambahan sebanyak RM 1,000 setahun. Selain daripada yuran asas di atas, pelajar-pelajar yang mengambil ijazah Master dalam bidang tertentu dikehendaki membayar yuran tambahan yang telah ditetapkan oleh fakulti berkenaan. Pelajar yang membuat tesis, perlu juga membayar yuran peperiksaan pada semester terakhir pengajian mereka. Kadar yuran ini tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa.

UPM ada menawarkan beberapa bantuan kewangan kepada pelajar ijazah lanjutan melalui Skim Siswazah Pembantu dan Skim PASCA. Bantuan tersebut hanya untuk pelajar-pelajar yang membuat kajian/penyelidikan dalam bidang-bidang tertentu sahaja. Pelajar-pelajar yang menerima bantuan tersebut dikecualikan daripada yuran tertentu dan mereka juga dikehendaki membantu dalam tugas-tugas pengajaran dan penyelidikan selama enam jam seminggu.

Selain daripada bantuan di atas, institusi antarabangsa seperti "Southeast Asian Research Centre in Agriculture (SEARCA) dan WINROCK juga ada menawarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar ijazah lanjutan. Agensi Kerajaan seperti MARA dan Jabatan Perkhidmatan Awam juga ada menawarkan pinjaman kepada pelajar-pelajar.

Program ijazah lanjutan menerima kemasukan sebanyak dua kali setahun, iaitu pada Semester Mei dan Semester November. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang boleh didapati dari Pusat Pengajian Siswazah atau melalui internet (http://www.gso.upm.edu.my).

Borang permohonan yang lengkap hendaklah sampai ke Pusat Pengajian Siswazah sebelum 28 Februari bagi kemasukan Semester Mei dan 30 Ogos bagi kemasukan Semester November. Salinan-salinan dokumen seperti ijazah, diploma, transkrip peperiksaan serta dokumen akademik yang lain perlu disahkan dan dikemukakan bersama-sama permohonan.

Pemohon-pemohon yang ditawarkan biasiswa atau pembiayaan bagi pengajian mereka hendaklah juga mengemukakan bukti-butki mengenai pembiayaan tersebut. Setiap permohonan perlu disertakan dengan yuran permohonan sebanyak RM 25 melalui wang kiriman pos dan dibayar kepada Dekan, Pusat Pengajian Siswazah. Yuran tidak akan dikembalikan sekiranya permohonan itu tidak berjaya.

# 153 Pegawai Terima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang



*Naib Canselor dan timbalannya turut gembira atas kejayaan pegawai cemerlang UPM 1997*

**Serdang :** Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganugerahkan pingat cemerlang kepada 153 orang pegawai dan kakitangannya pada 18 Ogos 1998. Sebanyak 30% dari bilangan stafnya telah dianugerahkan perkhidmatan cemerlang dalam tempuh 7 tahun.

Naib Canselor UPM, Prof. Tan Sri Dr. Syed Jalaludin Syed Salim berjanji mereka yang cemerlang tetapi tidak dapat penghargaan akan diberi sesuatu hadiah yang bukan berbentuk wang.

Dalam ucapannya beliau telah mengatakan bahawa "Kita telah dapat meningkatkan produktiviti walau pun di zaman kegawatan", sambil memuji semua ahli fakulti.

Prof. Tan Sri percaya UPM akan muncul sebagai Universiti yang efisyen. Beliau mengingatkan kepada semua penerima pingat bahawa mereka adalah 'role model' dan seharusnya tidak mencemarkan diri. Katanya lagi, mereka harus menjadi inspirasi kepada yang lain.

Prof. Tan Sri telah memberi 4 ciri kecemerlangan yang harus ada pada pegawai dan kakitangan UPM

- Dapat menghayati konsep belajar sepanjang hayat
- Berkemampuan berkomunikasi dengan sebaiknya
- Interpersonal Skill' - sentiasa peka terhadap halatuju Universiti terhadap Pendemokrasian
- Mempunyai pengetahuan IT yang banyak

# Pilihanraya UPM meriah

**SERDANG,** Ogos 21: Kampus UPM menjadi begitu unik dengan gantungan ribuan poster-poster terutama dari dua kem pelajar iaitu kem AMB (Angkatan Mahasiswa Bersatu) dan kem IPKM (Intektual Pendukung Kebijakan Mahasiswa). Manakala poster calon-calon bebas tidaklah begitu banyak berbanding calon-calon kedua-dua kem. Editor Tribun Putra yang turut berada di malam pengiraan undi di Pusat Kesenian dan Kebudayaan Sultan Abdul Aziz Shah UPM sempat merakamkan detik-detik bersejarah bagi calon-calon yang bertanding.

Abdul Karim Mohd. Sarif, siswa Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, calon kerusi bebas yang mewakili kem AMB berpendapat pilihanraya kampus merupakan kemuncak aktiviti kepimpinan siswa di menara gading. Manifesto AMB berkisar kepada sedia mendukung aspirasi sejagat menjadi tonggak perjuangan mereka bagi mewujudkan perhubungan yang lebih erat diantara pelajar, pentadbir dan seluruh warga kampus. Beliau menambah, "Sejajar dengan perkembangan IT masakini, AMB turut menyediakan laman web rasminya bagi menyebarkan maklumat perjuangan mereka."

"Dalam kegawatan ekonomi sekarang, saya syorkan proses pengundiaan bagi Pilihanraya Kampus masa mendatang haruslah menggunakan teknologi maklumat sepenuhnya. Disamping menjimatkan kos dan masa, kita akan dapat mengetahui keputusannya dengan lebih cepat berbanding cara tradisi.", kata beliau yang berasal dari Beruas, Perak.

Syor beliau turut disokong oleh rakan seperjuangannya iaitu Cik Juraida Zainun, anak kelahiran Kuala Kangsar Perak yang juga calon kerusi bebas AMB mewakili Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar. Menurutnya, "Itu adalah satu kaedah yang baik, namun aspek keselamatan harus diambil kira bagi mengelakkan sebarang manipulasi atau penipuan berlaku keatas proses pengundian secara digital". Seperti beberapa orang siswa yang ditemui sewaktu proses pengundian undi sedang berlangsung, beliau merakamkan kekesalan dengan gaya kempimpinan MPP sesi lepas yang dikatakan agak dingin melaksanakan aktiviti siswa yang dapat memupuk minda dan sahsiah warga kampus .

"Mahasiswa UPM masakini sebenarnya inginkan perubahan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Rata-rata pelajar berpendapat MPP yang diterajui oleh kem IPKM (Intelektual



*Cik Juraida Zainun (AMB)*

Pendiukung Kebajikan Mahasiswa) agak goyah dari segi kepimpinan dan pengajuran aktiviti-aktiviti siswa sepanjang sesi 1997/1998." katanya lagi.

Cik Juraida dengan tegas menambah " AMB berjanji akan meperjuangkan hak-hak mahasiswa dari aspek kebajikan, keselamatan, penempatan dan sebagainya. Sekurang-kurangnya mahasiswa ada suara lantang di kampus hijau ini".

Sementara itu seorang calon bebas dari Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar iaitu Wee Don Juan, anak kelahiran Klebang Melaka, yang tidak mewakili mana-mana kem, berpendapat beliau sekadar ingin menimba pengalaman menjadi calon MPP, sekurang-kurangnya ia menjadi satu pengalaman yang manis sewaktu berada di kampus berteknologi tinggi yang berdekatan dengan bandar Cyber Jaya. Kalah atau menang bukanlah perkara utama dalam perjuangan saya.

Beliau mengakui sebagai calon bebas tanpa kem, proses kempen yang beliau dan penyokong beliau jalankan agak terhad akibat faktor kewangan dan tenaga kerja.

"Saya hanya mampu membuat salinan foto hitam puteh sahaja bagi poster-poster manifesto berbanding calon-calon dari kem AMB yang menggunakan warna rasmi merah dan IPKM menggunakan warna biru. Namun begitu saya tidak mudah menyerah kalah begitu sahaja, " tegas Wee yang bercita-cita untuk menjadi ahli politik yang terkemuka suatu hari nanti.

Seorang calon kerusi bebas dari kem IPKM iaitu J. Ravinterakumar ketika ditemui menegaskan asas perjuangan IPKM adalah menjaga kebajikan siswa yang terdiri dari berbagai kaum dengan manifesto yang bertajuk mahaiswa untuk mahasiswa. Siswa tahun 2 dari Fakulti Kejuruteraan yang penuh pengalaman kepimpinan semenjak dari sekolah lagi berpendapat para siswa perlu berani menunjukkan bakat kepimpinan yang ada agar dapat dimanfaatkan dan dikongsi sepenuhnya bersama siswa kampus.

"Ini adalah penting kerana hanya dikampus sahaja individu dapat menunjukkan bakat kepimpinan yang tinggi sebelum memasuki dunia pekerjaan yang agak kompetatif sekarang. Pelajar harus sedar, dunia siswa adalah satu yang amat manis dan harus dipenuhi dengan pelbagai aktiviti yang mampu meningkatkan keyakinan dan sahsiah individu. Janganlah masa yang singkat di kampus dibuang begitu sahaja dengan aktiviti-aktiviti yang kurang berfaedah", jelasnya.

"Siswa harus bijak mengurus masa dengan kuliah, gerak aktiviti kokurikulum dan sebagainya agar siswa yang dihasilkan oleh UPM berkualiti tinggi baik dari aspek akademik, mahupun daya kepimpinan." kata Ravi sambil tersenyum.

Sementara itu, Norfizin Yusof, siswa tahun akhir di Jabatan Fizik, anak kelahiran negeri Cik Siti Wan Kembang yang pernah bertanding Pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar sesi 95/96 turut berada di pusat pengiraan undi. Walaupun tewas atas tiket AMB ketika itu, namun beliau berpendapat pengalaman menjadi calon adalah sesuatu yang menyeronokkan dan tidak mengganggu pelajaran kerana jangkamasa kempen adalah singkat dan beliau bijak mengatur masa. Norfizin penyokong kuat kem AMB amat berharap agar kem AMB yang memenangi pilihanraya ini dapat menggunakan mandat yang telah diberi oleh pelajar digunakan sepenuhnya untuk kebajikan pelajar dan bukannya untuk kepentingan individu.

# Martabat Ilmu dan Kesejahteraan Sejagat

Encik Mohamed Tajuddin & Mohamed Nordin
Taman Penyelidikan UPM

**Taman Penyelidikan Universiti, Universiti Putra Malaysia (UPM) berbangga kerana telah mengadakan kerjasama dengan syarikat swasta, agensi awam dan individu bagi projek penyelidikan dan pembangunan.**

Kejayaan profesional Taman ini ialah menyediakan rancangan atau pun pelan induk penggunaan sumber dan kemudahan secara optimum yang ada di kampus UPM demi meningkatkan peluang untuk aktiviti penyelidikandan pembangunan. Staf UPM boleh mewujudkan sebuah 'Universiti Abad ke-21' dengan menjalankan projek penyelidikan dan pembangunan yang bersifat komersil untuk meningkatkan kewangan Universiti Putra Malaysia.

Wawasan Taman ini ialah membuat perjanjian dan mengadakan usahasama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan bagi maksud meningkatkan kewangan Universiti Putra Malaysia.

Taman ini berbangga dengan penglibatan UPM yang proaktif dalam bidang IT yang terulung seperti Multimedia Super Corridor.

# The Visit to Peru
## - A Presidential Touch

Dr. Hjh. Jamalleah Hj. Ismail

It was to our great surprise that we were to be welcomed in style and honour at the Lima International Airport, PERU, inspite of the absence of His Excellency the Governor of Penang, our UPM Chancellor and his entourage, who were supposed to lead the delegation. His Excellency had responded dutifully to the order of the Prime Minister, who wanted all state governments to be in keeping with his call on spending cut. This first trip of its kind would have been cancelled, had it not been for the intervention by the Deputy Prime Minister and the Education Minister, who took into consideration the appeal made by the Ambassador of Peru to Malaysia and our Ambassador to Peru. Both ambassadors had carefully prepared the itinerary, and made the necessary contacts and arrangements. The President personally undertook responsibility by making several calls to UPM to get confirmation. Many people, including the public were puzzled by the special invitation made exclusive by a President of a country only to UPM staff and students.

**How did it all happen?**

It all started with a double single and simple word utterance, 'sing, sing,' that came spontaneously out of the mouth of our Vice Chancellor, Professor Dato' Dr. Syed Jalaludin Bin Syed Salim. This straight forward decision of his generated a new mometum towards a cordial social interaction between the President of Peru and UPM.

On 22 November 1996, UPM conferred an Honourary Degree of Doctor of Philosophy to President Alberto Fujimori. It was then decided that the National Anthem of Peru be played on tape. But, Dato' on his own quick sensitivity and good judgement instructed the DeputyVice Chancellor, Prof. Dr. Abdul Rahim Md. Sail, who was enthrusted the job of organizing the Peru trip, to get a choir to sing the song live. It was in Spanish. Overwhelmed by the choir and touched by our sensitivity, and also perhaps in gratitude of the honourable reward given, he extended a plain invitation in his own simple and informal way, repeatedly since. This was confirmed by the Ambassador of Peru to Malaysia who gave a 'face-saving' dinner (for helping him to make the trip a reality) to members of the trip, which consisted of 8 academics (four Professors including 2 Deputy Vice Chancellors (SA & A), an Associate Professor, three lecturers, 2 officers and 17 students, plus three accompanying wives, on

*(see page 12)*




# Wadah Wawasan Negara

**Jika *The Way Forward* hasil karya Perdana Menteri Malaysia dikatakan suatu visi kepimpinan prihatin dan berwawasan, akhbar sebagai institusi sosial adalah alat penting yang menjadi perakam kepada proses, situasi dan peristiwa yang berlaku dalam masyarakat yang mengalami visi tersebut.**

Universiti Putra Malaysia (UPM) dapat berbangga dengan pelancaran akhbar sulungnya yang akan dapat memainkan peranan aktif sebagai alat komunikasi, pendukung visi dan wawasan yang menjadi aspirasi negara. Tribun PUTRA adalah Akhbar Universiti yang pertama di Malaysia yang berjaya diterbitkan. Di institusi pengajian tinggi luar negara penerbitan akhbar adalah perkara biasa.

Kehadiran Menteri Pendidikan bertujuan melihat sendiri tentang perkembangan dan pembangunan pesat yang berlaku di UPM, yang menjana masa hadapannya dan penerbitan akhbar ini memaparkan satu lagi bukti kemajuan berterusan yang berlaku di UPM.

'Tribun PUTRA' adalah akhbar yang lahir daripada inisiatif Naib Canselor UPM, Prof. Tan Sri Dr. Syed Jalaludin Syed Salim yang sejak 4 tahun yang lalu tidak jemu-jemu berusaha membawa pembangunan dan perubahan dalam usaha beliau menjadikan UPM, institusi yang menjana masa hadapan dan yang paling terkehadapan.

Dalam memainkan peranannya sebagai pemerhati dan cermin kepada perkara dan peristiwa yang berlaku dipersekitarannya, sebagai penghubung kepada pelbagai jenis kumpulan masyarakat, dan sebagai pewaris khazanah dan maklumat sosial, akhbar mempunyai hubungan rapat dengan manusia sejak zaman berzaman. Akhbar juga teruji dan terbukti sebagai media cetak yang paling popular walaupun disaingi oleh media elektronik pada masa kini.

Sepatah kata Tan Sri Razali Ismail semasa beliau menerima ijazah kehormat Doktor Undang-Undang di Universiti Sains Malaysia baru-baru ini, bahawa walaupun dikatakan dewasa ini kita berada di era teknologi maklumat, pada hakikatnya kita berada di era media.

'Tribun' yang membawa maksud pentas atau panggung tempat berucap, akan memainkan peranan sebagai wahana penyebaran maklumat terkini, terutama sekali dalam bidang pendidikan, penyelidikan dan pengem- bangan pendidikan. Dengan demikian, perkembangan yang berlaku di UPM akan menjadi telus untuk difahami oleh masyarakat luar kampus.

Ketelusan dan percantuman budaya kampus dan luar kampus akan menjadikan kedua-dua golongan masmasyarakat saling fahammemahami dan hormatmenghormati, tidak seperti mana kiranya UPM sebagai sebuah pusat pengajian tinggi, terasing atau diasingkan.

Tribun akan memberi peluang kepada siswa-siswi memperkukuhkan kemahiran berkomunikasi melalui interaksi penulisan dan pembacaan. Justeru itu, Tribun akan dapat merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan dan negara untuk memperluaskan budaya membaca dalam usaha melahirkan masyarakat berfikir atau "The Thinking Society".

Melalui wacana intelektual, individu akan berpeluang menyuarakan daya pemikiran sebagai insan, untuk mencari ketepatan fakta dan kebenaran secara jujur dan terbuka. Dengan cara ini juga masyarakat akan dididik menggunakan kebebasan yang diwujudkan untuk menganalisa dan mengkritik demi kebaikan bersama.

Dengan penerbitan ini diharap siswa siswi akan menerima konsep sebuah akhbar seorang pelajar, sebagaimana mereka telah menerima konsep sebuah komputer seorang pelajar pada tahun lalu. Akhbar universiti ini dijadikan cenderamata, yang lebih bermakna oleh siswa siswi yang seramai 30,009 orang dikampus terbesar ini, untuk dihadiahkan kepada rakan dan ahli keluarga masing-masing, supaya isi kandungan Tribun dapat tersebar luas. Dalam konteks ini Tribun juga diterbitkan dalam bentuk maya atau "virtual/on-line" di ruang siber.

Dengan usaha universiti memasyarakatkan ilmu dan membudaya ilmukan masyarakat, Tribun akan dapat melahirkan insan-insan prihatin, akademis dan takwa.



**Badan Penerbitan**

PANEL PENGURUSAN (MANAGEMENT)
*Pengerusi*
Prof. Dr. Kamel Ariffin Mohd. Atan
*Pengurus Perniagaan*
Dr. Iskandar Abdullah
*Pengurus Penerbitan*
Puan Sumangala Pillai
*Pengurus Pentadbiran*
En. Kamalul Aripin Musa
*Ex-officio*
Dr. Hajah Jamalleah Hj. Ismail

SIDANG PENGARANG (EDITORIAL)
*Ketua Pengarang*
Dr. Hajah Jamalleah Hj. Ismail
*Pengawal Penerbitan*
Prof. Dr. Shaik Mohd. Noor Alam Shaik Mohd. Hussein
*Timb. Ketua Pengarang & Edisi Digital*
Prof. Madya Dr. Sidek Hj. Abd. Aziz
*Penyelaras Penulisan*
Prof. Madya Dr. Hj. Salleh Hj. Hassan

PENYELIDIKAN

# UPM TERIMA RM3.1 JUTA UNTUK PENYELIDIKAN

Universiti Putra Malaysia (UPM) terus unggul di bidang penyelidikan apabila diluluskan peruntukan sebanyak RM 3.1 juta lagi bagi 19 projek baru bagi tahun 1998 menurut kelulusan yang dikeluarkan oleh Bahagian Sains dan Teknologi, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar baru-baru ini. Sebelum ini UPM telah menerima peruntukan lebih RM75 juta untuk lebih 350 projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-7. Dalam kelulusan yang terbaru ini, 4 projek baru diluluskan untuk Sektor Agro-industri, 2 Sektor Pembuatan, 8 Sektor Ekonomi, 3 Sektor Sains, 1 Sektor Kesihatan dan 1 Sektor Alam Sekitar. Sejumlah RM1.53 juta akan dibayar pada tahun ini manakala selebihnya pada tahun 1999 dan 2000. Kejayaan ini menunjukkan UPM akan terus komited dalam bidang penyelidikan sejajar dengan hasrat untuk meletakkan UPM sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan yang ulung di rantau ini.

Menurut Encik Soaib Asimiran, Pegawai Tadbir di Unit Penyelidikan UPM, beberapa hasil penyelidikan UPM yang berjaya telah dikenalpasti untuk dijadikan bahan bagi filem dokumentari mengenai penyelidikan-penyelidikan terbaru di Malaysia yang akan disiarkan semasa Sukan Kuala Lumpur 98 pada bulan September nanti. Di antara penyelidikan tersebut ialah penyelidikan mengenai Teknologi Biofil Untuk Rawatan Sisa Buangan (Biofil Technology for Waste Treatment) yang diketuai oleh Profesor Madya Dr. Azni Idris dari Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar, Vaksin Semburan Pasteurela (Intranasal Pasteurella Spray Vaccine) yang diketuai oleh Profesor Madya Dr. Mohd. Zamri Saad dari Jabatan Patologi dan Mikrobiologi Veterinar. Menurutnya lagi, seramai lebih 140 penyelidik telah mengemukakan permohonan baru untuk mendapatkan sumber penyelidikan di bawah program Intensification of Research in Priority Areas (IRPA). Pecahan ini dapat dibahagikan seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Sektor Agro-industri (Agro-industry) | 93 permohonan |
| Sektor Tenaga (Energy) | 2 permohonan |
| Sektor Pembuatan (Manufacturing) | 7 permohonan |
| Sektor Perkhidmatan (Services) | 8 permohonan |
| Sektor Ekonomi (Economic) | 1 permohonan |
| Sektor Kesihatan (Health) | 8 permohonan |
| Sektor Alam Sekitar (Environment) | 3 permohonan |
| Sektor Sains (Science) | 20 permohonan |
| Jumlah | 142 permohonan |

Selain dari itu, untuk pameran penyelidikan, UPM juga akan mengambil bahagian dalam Pameran I.Tex'98 di Sunway Pyramid pada 10-12 Oktober 1998 yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia dan pameran sempena sambutan "Fifth ASEAN Science and Technology Week" pada 12-15 Oktober 1998 di Hanoi, Vietnam.

SAINS & TEKNOLOGI

# HEALTH PROMOTING SCHOOLS

*Dr Sharifah Zainiyah Bt Syed Yahya*

The concept of Health Promoting Schools arose in response to the realisation to the need to look at public health at an even earlier developmental stage of the health problem. Instead of solving public health problems as they surface, the new approach would seek to address issues leading to the said problems. The priority, therefore, is now placed on the promotion of health leading towards disease prevention.

This view was supported by the World Health Organization (WHO) Western Pacific Region report entitled "New Horizon in Health" which outlined ways of structuring plans and programmes pursuing "Health for All by the Year 2000." This document identified three themes for future work, namely preparation for life, protection for life and quality for life in later years. Health promoting schools are based on the first of the three themes, preparation for life, focusing on health promotion issues particularly relevant to infancy, childhood and youth. Schools are given priority in the regional health promotion programme endorsed by Member States in 1993.

Twenty-seven countries responded to a proposal for the development of health-promoting schools. In 1995, eight countries were actively involved. They were China, Malaysia, Lao People's Democratic Republic, Papua New Guinea, Republic of Korea, Singapore, Vietnam and the Solomon Islands.

The six major elements that form the basis of a health promoting school are school health policy, the physical environment, the social environment, community relationships, personal health skills and health services.

It is also understood that the development of health promoting schools calls for building alliances. The Department of Health must collaborate with the Department of Education at the country level; and within WHO, an interdivisional theme group on preparation for life ensures that all relevant activities such as tobacco, HIV/AIDS and nutrition are considered. WHO also collaborates with UNESCO, UNICEF, UNFPA and the South Pacific Commission and Education International in developing health promoting schools.

**The Goal**

A health promoting school is characterised by it constantly strengthening its capacity as a healthy setting for living, learning and working. The main concerns of a health promoting school include:

- Engaging health and education officers, teachers, students, parents and community leaders in efforts to make the school a healthy place.
- Implementing policies, practices and measures that encourage self-esteem, provide multiple opportunities for success and acknowledge good efforts and intentions as well as personal achievement.
- Striving to provide a healthy environment, school health education and school health services along with school/community health projects and outreach, health promotion programmes for staff, programmes for counselling, social support and mental health promotion etc.
- Striving to improve the health of school personnel, families, community members as well as pupils, and working with community leaders to help them understand how the community contributes to health and education.

WHO in 1995, convened on an Expert Committee on Comprehensive School Health Education and Promotion (World Health 1996) to assess what is known about health through schools. The committee reviewed research from both developing and developed countries and concluded that school health programmes can simultaneously decrease common health problems, increase efficiency of the education system and thus advance public health, education and social and economic development in all nations. The Expert Committee also recommended 10 steps to help schools become "Health Promoting Schools". The 10 steps are as follows :-

1. Schools provide an entry point for health promotion and intervention
2. Health education taught in schools must be skilled based
3. Schools must provide safe learning and working environment
4. Full educational participation of girls must be encouraged
5. Investment in schooling must be a major concern for every Member State
6. International support required in the early stages
7. Successful school health programmes must be in place
8. Community and school interaction to support health and education
9. Provide training of teachers and school staff
10. Policies, legislation and guidelines must be developed to ensure the mobilisation, allocation and co-ordination of resources at all levels.

Health promoting schools is a setting-based approach of promoting health to a number of groups (pupils, their families, staff and the community) on a variety of topics(nutrition, obesity, sexual health, accidents, environmental issues etc.) using a variety of methodologies (campaigns, health education, community development etc.). The concept is an excellent strategy to achieve one of the main objectives of WHO, that is, "Health for All by the Year 2000."

Another important point is that schooling in itself is shown to be a powerful way to influence health everywhere. This can be clearly demonstrated from the benefits of Maternal and Child Health (Editorial, World Health 1996). Educated women tend to marry later and more likely to utilise the family planning services. They make informed decisions regarding health matters through health education, take better care of their children and family as a whole and are more likely to have their children immunised against infectious diseases.

Health promoting schools also provide opportunities for nations to deal with the common public health issues. This is particularly useful for developing countries where resources are scarce.

**Discussions**

Promoting the health of the young is a good investment for any nation. The reason is simply that these young people will determine the health and economy of the nation in future years. If the nation is committed to nurture all aspects of health - physical, mental and social, of these young people, they will grow up to be well rounded individuals and thus will contribute to the prosperity of the nation (World Health 1996). The key issue here is to make every effort to promote health at a very young age so that healthy behaviour may be inculcated earlier on in life and stays throughout middle and old ages.

Young people learn not only from teachers in school, but from their families and the communities at large. Therefore, it is important to provide health education to the family and the community so that there is constant reinforcements and similar values picked up by the young people in the home and community settings. However, the concept of health is not as simple as that, as there are many determinants of health such as cultural values, environment, social aspect, genetic endowment to name a few. With these in mind, the health interventions planned must be able to harmonise with these determinants of health in order to achieve effectiveness.

The checklist of Health Promotion Principles (Phil Hanlon, Outline Notes on Health Promotion) can be applied to evaluate the strengths and weaknesses of the concept of Health Promoting Schools.

Most of the examples in the literature illustrate that the concept is based on a broad definition of health, that is, it covers the physical, mental and social aspect of health. However most of the time, it concentrates more on the positive component of these aspects of health. Most of the examples also show that the determinants of health have been well analysed. Health for all principles were applied in most of the programmes and the concept of Health Promoting school is to teach life skills and works on the theme of preparation for life and therefore the process is empowering.

Health Promoting Schools use a combination methodology of education, prevention and advocacy. However, in most instances the main emphasis is on education. This would be enhanced by considering the multiple approaches to promoting health. when we consider the models of education, the two more relevant ones would be Health Action Models and Stages of Change.

Most of the examples indicate that a comprehensive needs assessment was done and in a few cases a community diagnosis was performed. In some instances, planning was good. However, this could be further improved if all poles of the health compass were explored. Evaluation can be done on a short or long term basis. Most of the examples quoted an improvement in the overall health of the pupils and the community. An improvement in the school environment also resulted. However, most of the time, it fails to discuss the benefits achieved by the schools' staff. More emphasis such as training and incentives should be given to this group of people in the school setting too. In the long term, an evaluation on the overall morbidity and mortality rates in the countries can be done and the country's economy would portray the investment put in promoting health of the pupils, staff and the community at large using a school setting.

It can be concluded that Health Promoting Schools offer a strategy in visualising WHO's "Health for All by the Year 2000" by working on the theme of preparation for life. It also offers a way of dealing with the Nation's public health issues and investing in the health of the young people will certainly enrich the Nations" future economy which will again reinforce the health of the population.

## Tri Haryati & Felix Moh Achieve Excellence

Recently, two of our post-graduate students enrolled at the Faculty of Food Science and Biotechnology were highly recognised for excellence at national and international levels for their high quality research works. Ms. Tri Haryati, a Ph.D. scholar, won The 1998, AOCS Honored Students' Award from the American Oil Chemists' Society for her research paper in the field of fats and oils entitled "New Techniques for Determining Some Palm Oil Parameters Using Differential Scanning Calorimeter". The competition was among the top universities and research institutions in the world. Ms. Tri presented her paper work and received the award at the 88th AOCS Annual Meeting on 13 May 1998 in Chicago, USA.

Felix M.H. Moh, an M.S. scholar, has received the Best Graduate Research Paper Award from Malaysian Institute of Food Technology (MIFT). His paper entitled "Determination of Free Fatty Acids of Palm Oil using an Infrared Reflectance Spectroscopy" was selected to represent Malaysia for the Graduate Students' competition at the 6th ASEAN Food Conference in Singapore. Mr. Moh received the medal at the 24th Annual General Meeting of MIFT on 1 June 1998.

Both scholars are under the supervisory committees chaired by Professor Dr. Yaakob Che Man. Other members of the supervisory committee for Tri are Assoc. Professor Dr. Jinap Selamat and Assoc. Professor Dr. Hasanah Mohd. Ghazali, and for Felix are Assoc. Professor Dr. Jinap Selamat and Mr. Badlishah Sham Baharin. Congratulations and keep it up!

## Perasmian Program Latihan ISO 14000

Oleh Y.B. Dato' Abu Bakar Daud.

Program latihan ISO 14000 bertajuk "Training Program for the Implementation of Environmental Management in Accordance with Emerging Best Practices in Industry" telah dirasmikan oleh Y.B. Dato' Abu Bakar Daud, Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Malaysia pada 19 Ogos 1998. Program ini telah dianjurkan oleh Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar, UPM. Ia adalah sebahagian daripada aktiviti National Committee on Environmental Standards (NACES) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan kerjasama United Nations Environment Program (UNEP) dan Danish Cooperation for Environment and Development (DANCED) melalui Network for Environmental Training at Tertiary Level in Asia and the Pacific (NETTLAP) dan Malaysian Inter-University Network for Training and Research on Environmental Management (MATREM).

Objektif program ini adalah untuk menyediakan latihan yang komprehensif (teori dan praktikal) mengenai semua siri standard ISO 14000 yang ditentukan oleh Jabatan Standard Malaysia, SIRIM dan NACES. Program latihan ini dikendalikan oleh pakar luar negara dan tempatan khususnya ahli NACES.

Dalam ucapan Naib Canselor UPM yang diwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik), Prof. Kamel Ariffin Mohd. Atan telah mengucapkan tahniah kepada penganjur dan berharap agar program 'Training of Trainers' ini dapat mengabungkan usaha industri, kerajaan, majikan dan pekerja dalam mencapai okjektif yang telah ditetapkan.

Ketua Projek Program Latihan ini ialah Profesor Madya Dr. Mohd. Nasir Hassan. Majlis dihadiri juga oleh Puan Hajah Rusnani Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Dr. Suvit Yodmani, 'Regional Director and Representative of the United Nations Environment Programme, Regional Office for Asia and the Pacific'. Dato' Dr. Muhamad Awang, Dekan Fakulti Pengajian Sains dan Alam Sekitar merangkap Pengerusi 'Malaysian Network Training and Research on Environmental Manangement (MATREM) and Malaysia Focal Point for UNEP/ROAP' dan Dato' Dr. Abu Bakar Jaafar, 'Chairman of the National Committee on Environmental Standards.

## Datuk Ismail Kamus gamatkan kampus UPM



*Datuk Ismail Kamus membuat staf UPM tidak kering gusi*

Datuk Hj. Ismail Kamus telah berjaya mengisi rohani staf UPM dengan caranya tersendiri. Selama kira-kira 2 jam beliau menggamatkan Panggung Percubaan UPM berceramah dengan penuh sinis mengenai gelagat dan perilaku manusia yang membelakangkan nilai-nilai mulia yang ditetapkan oleh Agama Islam dalam tindak tanduk harian mereka. Ceramah ini telah dianjurkan oleh Persatuan Pegawai Universiti Putra Malaysia.

# Sahabat-Sahabat UPM di Malaysia

Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menjalin hubungan dengan Institusi-institusi berikut:

- Pusat Matrikulasi Chermai Jaya Sarawak, Sarawak
- Kolej Pendidikan Perdana (KOPEDA), Shah Alam
- Kolej MARA (Kulim), Kedah
- Kolej Unitek Malaysia, Petaling Jaya
- Kolej Yayasan Pelajaran MARA, Cheras
- Kolej Yayasan Melaka, Melaka
- Institut Kemajuan Ikhtisas Pahang, Kuantan
- Institut Pembangunan Sumber Manusia (IPSM), Seri Kembangan
- Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan, Ampang
- UNITI Sdn. Bhd., Pasir Panjang, Port Dickson
- SAL Group of Colleges, Kuala Lumpur
- Institut Teknologi A.N.S., Sungai Petani, Kedah
- Kolej INSTEDT, Johor Bahru
- Kolej Kurniawan, Cheras
- International City Institute of Technology (CITI), Kuala lumpur
- Kolej Karisma, Seremban
- Kolej Teknologi Timor, Kuala Lumpur
- Kolej Anjung Selatan, Sepang
- Institut Yayasan Bumiputera Pulau Pinang, Pulau Pinang
- Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang (PSDC), Kuantan
- Kolej Yayasan Pelajaran Bangi, Bangi
- Kolej IKRAM, Kajang
- Kolej Premier Yayasan Perak (KPYP), Ipoh
- Ketua Eksekutif Kumpulan Pendidikan YPJ, Johor Bahru
- Kolej Islam Yayasan Pelajaran Johor (KIYPJ), Johor Bahru
- Institut Teknologi Perindustrian, Johor Bahru
- ELS International Language Center, Petaling Jaya
- Kolej Negeri, Seremban
- Maxisegar Education Sdn. Bhd., Rawang
- Institut Teknologi Cybernatics, Taman Maluri
- Kolej Ibukota Kinabalu, Kota Kinabalu
- Kolej PRIME, Kuala Lumpur
- MSC Premier College, Kuala Lumpur
- Institut Kota, Melaka
- Kolej Informasi Multimedia, Temerloh
- Kolej Teknologi Bestari, Setiu, Terengganu
- Cosmospect Information Technology Institute, Batu Pahat
- Infotech Tebrau, Batu Pahat
- Kolej Indera Kayangan, Kangar
- Kolej TISC, Klang
- Institut Pengajian Ilmu Islam ABIM, Setapak
- INPENS, Pandan Perdana
- Kolej Yayasan Pelajaran MARA Kota Bharu, Kota Bharu
- Pusat Pendidikan Lanjutan, Wangsa Maju
- Graduate Achicevement Studies Centre Sdn. Bhd. (GASC), Kuantan
- Kolej Matrikulasi Terengganu, Terengganu
- Kolej Teras Timur, Dungun
- Kolej Jaipetra, Kota Bharu
- Kolej Utama, Kota Bharu
- Sumber Naung Sdn. Bhd., Ampang

# INDONESIA



*Ir. Sjhamsu Anwar Asir*

Universitas Jayabaya, sebuah universiti swasta dari Jakarta, Indonesia telah menghantar beberapa orang wakilnya ke UPM baru-baru ini. Tujuan kedatangan mereka adalah untuk berbincang mengenai hubungan kerjasama melalui bidang akademik dan juga penyelidikan. Kemungkinan adanya program-program kembar di peringkat Sarjana dan Ph.D juga turut dibincangkan.

Wakil Universitas Jayabaya, Rektor Ir. Sjhamsu Anwar Asir berkata bahawa UPM dipilih sebagai model untuk hubungan kerjasama ini kerana ia mempunyai asas yang teguh dalam kajian-kajian yang menjurus ke bidang teknologi pertanian dan ekonomi. Mereka juga berharap pertukaran dan perkongsian hasil dapatan antara kedua-dua universiti akan dapat dipindahkan kepada perniagaan dan industri.

# UPM Peruvian Visit
## - A Fruitful Venture

**Introduction**

Last October Universiti Putra Malaysia (UPM) staff and students were honoured with an invitation to visit Peru from the President of the country, Alberto Fujimori. Represented by the Deputy Vice Chancellor (Student Affairs), Prof. Rahim Md. Sail, UPM signed 2 Memorandums of Understanding (MoU) with 2 top Universities in Peru. (Consotium Cayetano Heredia University and Universidad National Agraria La Molina (UNALM) Lima).

The outcome of the MoU has given the opportunity for 7 top Institutions of higher learning in Peru of a Consortium called The Peruvian Network for Asia-Pacific to work together with UPM. Prof. Fernando Gonzalez -Vigil, Executive Director to the Economics and Management Programme in the Asia Pacific and Coordinator of the Peruvian Network for the Asia Pacific Studies, Lima Peru was accompanied by H. E. Jorge Bayona, Ambassador, Embassy of the Republic of Peru to come to UPM on the 15th of August, 1998 to work out possible programmes in areas of mutual interests.

The identified Area of Cooperation to be implemented is "The Impact of El Nino" on

- Environmental Studies
- Economics and Management



*Gonzalez in deep discussion with the Chief Editor*

- Tropical Medication
- Agriculture

UPM will be working with 2 of the 7 top Universities which form the Consortium Cayetano Heredia University and Universidad National Agraria La Molina (UNALM) Lima.

A Joint Programme will be focused on the Impact of El Nino on Agriculture/Environment/Diseases/Economy and the kind of Management necessary to take the challenges of El Nino. The Faculties indentified to work with the 2 Peruvian universities are

- Science and Environmental Studies Faculty (Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar)
- Economics and Management Faculty (Fakulti Ekonomi dan Pengurusan)
- Agriculture Faculty (Fakulti Pertanian)
- Medicine and Health Sciences Faculty (Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan)

School of Management (Sekolah Pengurusan)

Members of some of the faculties had a discussion with the 2 visitors in the presence of our Deputy Vice Chancellor (Academic and Student Affairs)

# TNB Sumbang Kepakaran

Serdang: Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menandatangani memorandum persefahaman (Memorandum of Understanding, MoU) dengan TNB Generation Sdn. Bhd. pada 19 Ogos yang lalu. Hubungan kerjasama ini akan membolehkan UPM melalui University Garden Centre, Fakulti Rekabentuk dan Senibina memberikan pelbagai sumbangan termasuk kepakaran perunding dalam Seni Bina Lanskap, kursus-kursus pendek lanskap serta pelaksanaan dan penyenggaraan kerja-kerja lanskap kepada pelbagai pihak yang memerlukannya.

Berucap di majlis menandatangani MoU itu, Prof. Tan Sri Dr. Syed Jalaludin Syed Salim berkata bahawa perkhidmatan-perkhidmatan berkualiti tinggi ini ditawarkan kepada masyarakat adalah dengan hasrat untuk merapatkan lagi hubungan di antara UPM dengan masyarakat sekelilingnya sebagai satu komuniti bistari.

Prof. Syed menyambung, "Hubungan ini juga mencerminkan keprihatinan dan sumbangan UPM ke arah kejayaan hasrat negara untuk menjadi sebuah Negara Taman menjelang tahun 2002"

# UPMT, Lotus dan Top IT Industries Meterai MOU




Suatu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman telah diadakan di Gem Beach Resort, Kuala Terengganu pada 9 Ogos 1998 di antara Universiti Putra Malaysia Terengganu, Lotus Sales and Services Sdn. Bhd. and Top IT Industries Sdn. Bhd.

Memorandum Persafahaman adalah untuk kerjasama dalam bidang IT di antara ketiga-tiga pihak berkenaan di mana Lotus Sales and Services Sdn. Bhd. akan membekalkan perisian komputer kepada semua sekolah rendah dan menengah bantuan kerajaan di kawasan Seitu. Universiti Putra Malaysia Terengganu (UPMT) pula akan menyediakan program latihan berkenaan.

Memorandum Persefahaman ditandatangani oleh Y. Bhg. Prof. Dato' Mohamed Mahyuddin bin Mohd Dahan, Rektor UPMT; Encik Peter Goh, Pengurus Besar, Lotus Sales and Services Sdn. Bhd. dan Y. Bhg. Dato' Azman Muda, Pengerusi TOP IT Industries Sdn. Bhd.

Majlis tersebut disaksikan oleh Y. B. Tengku Dato' Dr. Mahmud Mansor, Timbalan Menteri Pertanian, Y. B. Dato' Abd. Rashid Ngah, Anggota Exco Negeri Terengganu dan Y. Bhg. Tan Sri Najib Canselor, Universiti Putra Malaysia.

Turut hadir dalam Majlis tersebut adalah pegawai-pegawai utama UPMT, pegawai-pegawai Lotus Sales and Services Sdn. BHd. dan Top IT Industries Sdn. Bhd.

# MAURITIUS

Mr. Dawood Auleear, General Secretary of ALIF SOCIETY of Muritius expressed his interest to work with Universiti Putra Malaysia (UPM), when he visited UPM last 17 August 1998. He had a discussion with Prof. Dr. Kamel Ariffin Mohd. Atan, Deputy Vice Chancellor (Academic) on matters pertaining to mutual interest such as students/staff exchange program. He extended an invitation to 12 medical students to study for a period of time in Mauritius and lodging would be provided. Other areas of interest that he mantioned were Architecture, Science, Agriculture, particularly sugar plantation and industry which is a blooming industry in Mauritius.

According to Mr. Dawood the education of the country is very much tied up with University of Cambridge as Malaysia used to be. He, who represents the society and cultural Muslim Organization in his country expressed his interest to turn to the eastern rim of the India Ocean to a multi-racial country such as Malaysia. In the discussion Prof. Dr. Kamel Ariffin mentioned among other things the Distance Learning UPM is running

SENI & BUDAYA

# TOUCHED BY A DIVINE AFFLATUS: THE LIFE, WORKS, AND IDEOLOGY OF RABINDRANATH TAGORE

(A brief outline of the talk by Assoc. Prof. Dr. Mohammad A Quayum on 13 August 1998)

Tagore was born on 7 May 1861 in a rich and culturally prominent family in Calcutta, Bengal. His father Debendranath Tagore was a renowned religious reformer. Tagore was the fourteenth child in a family of fifteen. All the members of his family were blessed with rare endowments in literature, music, art, philosophy, and mathematics. However, Tagore came to excel and overshadow them all. Named after the sun (rabi in Bengali, derived from Sanskrit ravi, means the sun), he truly lived up to his name. Like the sun he shed light and warmth ceaselessly



*The High Commissioner of India, Vice Chancelor and Dr. Qayum*

upon his people and vitalized the mental and moral soil of his land. Tagore's reputation, especially in the West, lies preeminently in his poetic achievements. He was a poet of baffling, breathtaking creativity. He had written about 7,000 lines of verse even before he was eighteen. Tagore's genius, however, was multifaceted; he was a darling of versatility. A poet, he was also an actor, a playwright, producer, musician, painter, educationist, cultural reformer, philosopher, novelist, short story writer, and a critic of life and literature. Altogether Tagore wrote more than 1000 poems and more than 2000 songs (of which he wrote both the lyrics and the music). Moreover, he wrote nearly two dozen plays, eight novels, eight or more volumes of short stories, and a mass of prose on literary, social, religious, political and cultural issues. He was also the founder of a university, the Visva-Bharati, which Tagore declared, "like a vessel carries the cargo of my life's best treasure."

Tagore received many accolades in his illustrious life. Of them, the most outstanding was the Nobel Prize for Literature in 1913. He was also knighted by king George V of England in 1915. Furthermore, he received an honorary doctorate from Oxford University in 1940, for which the Oxford traveled to the poet's doorsteps instead of the poet traveling to Oxford.

It can be said about Tagore that he almost single-handedly brought about a revival in Bengali literature, culture, and consciousness. He was also a pioneer of the Indian Renaissance. For his contribution to the revitalization of Indian culture and psyche, he came to be reckoned "a supreme symbol of India's culture and spirit." However, Tagore was too much of a colossus to be confined either to Bengal or to India. He belonged to Asia and he belonged to the world. His message, as Jawaharlal Nehru commented in a personal letter to a biographer of Tagore, "was [not] narrowly national. [It was meant] for the world." Explaining Tagore's contribution to the world, the scientist Albert Einstein said, "[He] served mankind all through [his] long and fruitful life, spreading everywhere a gentle and free thought in a manner [of Indian] Seers."

Tagore was essentially a messenger of peace, non-violence, and brotherhood of mankind across races and religions. He believed in the principles of Universalism and Religion of Man, that there will be time when all the races and religions of the world, sacrificing their narrow differences, will come to live harmoniously together. He derived many of his teachings from the Hindu scriptures such as the Bhagavad Gita and the Upanishads; yet, like Mahatma Gandhi, he was opposed to religious fanaticism, and even provided severest of criticisms against Hindu social institutions and religious practices that encouraged superstition and inequality and tolerated injustice in society. Explaining his principle of religious unity, for example, Tagore once said, "We must go beyond all narrow bounds and look towards the day when Buddah, Christ, and Mohammed will become one."

# SEMINAR DAN PAMERAN TULISAN KHAT JAWI

## - KHAT ARTIFAK KEHIDUPAN

M. Heirwan Mubin

Pada 15 Ogos 1998, bertempat di Panggung Percubaan Universiti Putra Malaysia telah berlangsung satu seminar Khat Jawi yang bertemakan "Khat Artifak Kehidupan". Seminar yang julung-julung kali diadakan di UPM ini telah dianjurkan oleh Persatuan Perwakilan Mahasiswa Wawasan (PERMAWAN) dan Fakulti Pengajian Bahasa Moden dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM yang telah dirasmikan oleh Y.B. Datuk Ahmad Zahid Hamidi selaku Ketua Pergerakan pemuda UMNO Malaysia.

Selesai majlis perasmian serta ucap utama beliau telah dibawa menyaksikan pameran senia Khat Jawi hasil kerja tangan pelajar-pelajar yang mengambil kursus BBM 3402. Sebanyak tiga kertas kerja telah dibentangkan oleh ahli-ahli panel yang terdiri daripada Prof. Dr. Amat Juhari Moain, Dekan, Fakulti Pengajian Bahasa Moden, UPM, Prof. Madya Dr. Muhammad Bukhari Lubis, Fakulti Pengajian Islam, UPM dan Dr. Hj. Mohd. Hussein Hj. Baharuddin, Pensyarah, Fakulti Pengajian Bahasa Moden UPM juga selaku Penasihat seminar dengan dipengerusikan oleh Prof. Madya Dr. Ramli Isin.

Pameran seni Khat Jawi ini telah diserikan dengan pertandingan menulis Khat Jawi. Pertandingan ini telah dibahagikan kepada lima kategori iaitu terbuka/pelajar UPM yang dibahagikan kepada muslim dan non muslim, sekolah menengah dan rendah serta kategori penyertaan daripada staff UPM Penyertaan yang begitu menggalakkan untuk setiap kategori terutamanya bagi kategori sekolah menengah dan rendah.

Menurut pengarah program, Sdr. Ansori Hj. Lat, seminar serta pameran ini bertujuan mendekatkan serta mendedahkan pelajar dengan teknik terkini dalam penulisan Jawi. Pendekatan ini sejajar dengan kenyataan Y.B Datuk Ahmad Zahid Hamidi dalam ucapan perasmian beliau yang tersiar dalam Mingguan Malaysia 16 Ogos, bahawa usul memartabatkan serta menobatkan tulisan jawi akan menjadi sebahagian daripada pendirian rasmi Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Sesi penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Prof. Madya Dr. Mohd. Fauzi Mohammad, Pengarah Pusat Islam UPM Beliau juga mengusulkan supaya program yang gemilang ini menjadi agenda tahunan dengan kerjasama daripada Pusat Islam sendiri.

# *Malam Kebudayaan Indonesia*

## *- Sempena Menyambut Ulang Tahun Kemerdekaan Ke- 53 di UPM*

SERDANG : Naib Canselor telah menyampaikan ucapan tahniah Universiti kepada Persatuan Pelajar-pelajar Indonesia UPM kerana berjaya menganjurkan Indonesia Cultural Night Sempena Menyambut Ulang Tahun ke-53 di UPM pada malam itu yang telah diadakan sempena Ulang Tahun ke-53 Kemerdekaan Indonesia 1998.

Dalam majlis tersebut Naib Canselor telah menyebut, "Langkah pelajar-pelajar dari Indonesia ini adalah disokong oleh UPM kerana ini akan dapat memantapkan persefahaman serantau dalam semangat Asean".

Prof. Tan Sri Naib Canselor menyatakan bahawa program yang diadakan pada malam itu akan juga memberi erti besar dalam usaha UPM untuk memupuk semangat kerjasama di antara pelajar-pelajar di universiti ini. Seperti yang kita sedia maklum pelajar-pelajar di UPM terdiri daripada pelbagai latar belakang kebudayaan, agama, bangsa dan negara.

"Oleh yang demikian saya yakin Malam Kebudayaan Indonesia yang dianjurkan oleh Perhimpunan Pelajar Indonesia di UPM pada malam ini akan dapat mencapai matlamat seperti yang dinyatakan di atas tadi". Universiti akan sentiasa memberi sokongan kepada mana-mana jua pelajar dari negara-negara luar untuk mengadakan sambutan Hari Kebangsaan negara masing-masing di universiti ini. Ini adalah kerana UPM mengamalkan dasar terbuka dan memandang aktiviti-aktiviti yang sedemikian itu sebagai usaha baik untuk memupuk semangat kekitaan dalam konteks globalisasi.

Seluruh masyarakat UPM berdoa agar Indonesia terus mencapai kemajuan dan kecemerlangan dalam pembangunan sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Masalah serantau berkaitan dengan kegawatan ekonomi merupakan satu cabaran besar yang perlu ditangani bukan sahaja oleh Indonesia tetapi juga oleh Malaysia. Saya percaya Indonesia mempunyai kekuatan dan kemampuan untuk mengatasi apa jua masalah yang dihadapi demi untuk kemakmuran rakyat kedua-dua buah negara.

Saya sekali lagi mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan Indonesia kepada pelajar-pelajar dari Indonesia di Universiti ini khasnya dan di Indonesia amnya.

Akhir sekali kami semua berdoa agar negara Indonesia dan semua rakyatnya hidup aman, makmur dan diberkati tuhan.



*Anak-anak pelajar turut menjayakan majlis Malam Kebudayaan Indonesia*



# TOUCHED BY TAGORE

Vijaya Sooria a/p Sangaran Kutty • Devanayagi a/p Subramaniam • Jaya Sri a/p Semanchalam
Suguna Devi a/p Peariasamy • Geetha a/p Balagopal

A cultural show featuring an evening of songs, dances, a reader's theatre and a dance drama was held on the 14th and 15th of August at the Panggung Percubaan, UPM to venerate the memory, name and spirit of Rabindranath Tagore. Tagore, an eminent Bengali poet, was the first Asian to win the Nobel Award for Literature in 1913. The show was jointly organized by the Malaysian Bengalee Association and Fakulti Pengajian Bahasa Moden.

The evening's program focused on the musical and poetical aspects of Tagore's work. It was an evening rich with ethnic fusion featuring students dancing to the melodious songs written by Tagore. We danced to a song entitled "Gram Chara", a song Tagore writes in praise of his motherland the land that brings joy to his heart. "I cannot leave this land, for the sweet sounds of the breeze, birds and nature brings beatitude," he writes.

It was a memorable moment for us as we danced into the hall filled with guests, to the singing of the choir. We interpreted the song with a wide range of hand and body movements. Clearly, the many hours of practice and preparation seemed worthwhile as we noticed the audiences' faces light up as we danced araound them. The applause we received further confirmed how pleased they were at our performance. It was truly an evening to remember for all of us as we exited the hall.

Overall, the dance not only gave us an insight of the life and works of Tagore, it was also an evening that saw the harmonious collaboratin of students, lecturers and members of the Malaysian Bengalee Association to create an atmosphere of esprit de corps.





*Singing and Dancing in Targore's Praise of Humanity*

# Projek Tagore : Persembahan Koir

Kamaruzaman Mohamed Ariffin • Mohamad Hisham Abu Samah
Amrina Omar • Nor Azlina Hang Tuah • Nor Azlina Maarof • Zairatul Hanum Badaruddin • Tam

Satu daripada acara yang dipersembahkan pada Malam Kebudayaan Tiga Bahasa sempena mengenang Tagore pada 14 dan 15 Ogos 1998 baru-baru ini ialah nyanyian koir. Kumpulan yang terdiri daripada 22 perempuan dan 8 laki-laki itu terdiri daripada pelajar semester 4 dan 5, Bacelor Sastera (Bahasa INggeris), Fakulti Pengajian Bahasa Moedn.

Menurut ketuanya saudara Khalil Hushairi Abdul Manan, kumpulan tersebut baru sahaja ditubuhkan iaitu pada pertengahan bulan Jun atas inisiatif Puan Nomita Paul, pensyarah di Jabatan Bahasa Inggeris dan juga selaku penyelaras projek. Kumpulan ini menurutnya lagi mengadakan latihan sebanyak dua kali seminggu di bawah bimbingan saudara Mohamad Ahsan Habib atau lebih dikenali sebagai "Mr Choby" seorang pemuzik yang berasal dari Bangladesh. Komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh ahli telah berjaya memantapkan mutu persembahan dalam masa yang singkat. Empat buah lagi yang dinyanyikan pada malam itu ialah Utho utho Re, Gram chara, Alo Amar Alo Ogo dan Purano Sheei Diner Kotha.

Menurut salah seorang ahli kumpulan, pada mulanya agak kekok dankurang berminat untuk menyanyikan lagi bahasa Bangali tetapi lama kelamaan terasa seronok dan begitu mengasyikkan. Sungguhpun terpaksa membahagikan masa di antara kuliah dan latihan namaun mereka tetap mencuba bersungguh-sungguh.

Rata-rata penonton yang ditemui menyatakan rasa puas hati mereka terhadap persembahan pada malam itu. Seorang penonton dari United Kingdom, saudara Jeff Davis meluahkan rasa kagum persembahan koir yang dikoordinasikan dengan tarian yang begitu lemah gemalai. Di atas kecemeralngan tersebut ada ura-ura bahawa kumpulan Koir tersebut akan dijemput mengadakan persembahan di salah sebuah Kedutaan Luar di ibu negara. Diharapkan begitulah.



*Kumpulan Koir - berlatarbelakangkan gambar R. Tagore*

# Kenal Maka Cinta- Kolej Matrikulasi Wadah Prihatin Siswa Siswi UPM

*Wan Faizah Wan Mohd. Yusof, Pengerusi Sekretariat*

"Kitalah warisan yang berani, gagah meneruskan perjuangan yang belum selesai." Begitulah kata-kata tegas Wan Faizah Wan Mohd. Yusof, Pengerusi Sekretariat Kolej Matrikulasi UPM.

Beliau berbangga dengan perkembangan di Kolej Matrik, walau pun baru setahun jagung telah mampu melakukan sesuatu di peringkat antarabangsa. Di antara aktiviti yang telah dianjurkan ialah:

- INFOTECH 2020 di peringkat antarabangsa yang berjaya menarik penyertaan seluruh dunia
- MASCOF - persidangan pelajar-pelajar matrikulasi/asasi IPT se Malaysia dan

menghantar surat bantahan ke PBB mengutuk keganasan yang dilakukan oleh pihak Serb.





## Induction Ceremony of Pertubuhan Golden Key National Honour Malaysia UPM Chapter

- Edward Pang Secretary of PGKNHM

The Universiti Putra Malaysia (UPM) Chapter of Pertubuhan Golden Key National Honour Malaysia (PGKNHM) held its first installation ceremony on 19 August 1998 in the Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Cultural & Art Centre. More than 1100 people filled up the hall throughout the ceremony.

Academically superior second-, third-, and fourth-year students in all fields of study at UPM were initiated into the society. Each new member was recognised at the ceremony with certificate of membership. Friends and families of initiates were also in attendance. Activities of the university chapter of PGKNHM were announced, and scholarship was awarded to the outstanding initiates. "…Universiti Putra Malaysia, with 735 charter members, we are proud to join the Pertubuhan Golden Key National Honour Malaysia as the most inductees chapter in Malaysia." Opened by the chapter representative, Edward Pang.

The ceremony was than followed by a speech from Mr. Ramli Abbas, Vice President and Country Manager of Motorola Malaysia. "….As Golden Key members, you are the best of the best…..". Motorola is one of the corporate bodies that support Golden Key among other 550 companies around the world.

Mark Herndon, the International Development Director of Golden Key, gave his speech and than presented the charter and a cheque amounted RM 10.960 to Prof. Dr. Rahim Md. Sail as contribution of the society to the university.

Recognition of Executive members was done during the ceremony where all of them received certificates and pins. The officers are Edward Pang from Faculty of Forestry, Nor Aini from Faculty ofVeterinary Medicine, Dahrani and Rozida from Faculty of Medicine and Health Science, Lim Chai Seng and Tay Gek Lee from Faculty of Science and Environmental Studies, Winnie Wong from Faculty of Economic and Management, and Zul Daud from Faculty of Modern Languages. Selection of officers was based on their excellencey in academic as well as their dedication to co-curriculum activities.

The event also recognised two advisors for UPM chapter, they are Prof. Dr. Rahim Md. Sail, Deputy Vice Chancellor and Mr. Yahaya Salim, Deputy Registrar, both of them are from the Student Affairs Division.

Selected for honorary membership in the society and recognised at the ceremony were Prof. Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin Syed Salim, Vice Chancellor of UPM, Prof. Dr. Rahim Md. Sail, Deputy Vice Chancellor (Student Affairs), Prof. Dato' Dr. Ir. Zohadie Badaie, Deputy Vice Chancellor (Development), Prof. Dr. Kamel Arrifin, Deputy Vice Chancellor (Academic) and Prof. Di Yurbery, Vice Chancellor of Macquarie University, Australia.

Honorary members service full rights and privileges of the society and are selected based on their contributions to the community, the university, and its students. More than 8,000 honorary members have been named to the society including President Bill Clinton and former first lady Barbara Bush among others.

The ceremony was interrupted with the sudden arrival of the Vice Chancellor, "….I was rushing back from a MoU signing purposely to attend this grand event." He received certificate and pin from Mark Herndon to be honoured as an honorary member of the society.




*The 3 reciepients of scholarship and 3 key personels of Golden Key*

The presentation of certificate to ordinary members was carried out next where representatives of each faculty received their certificates from the Vice Chancellor, while others were standing and cheering in order to get recognised.

Kow Fong Kin from Faculty of Veterinary Medicine and Animal Science was one of the scholarship recipients. Kow carries a 3.966 Cumulative Grade Poit Average (CGPA). He is a member of Faculty Students Association and Tae Kwan Do Association. Lim Lay Ling, another scholarship recipient, comes from Faculty of Food Studies and Biotechnology and carries a 3.841 CGPA. She is a member of Taichi and Kung-fu club and has been on the dean's lists. The third recipient was Shanti Jegathesan, who comes from Faculty of Human Ecology. She is actively involved in college activities as a softball player. She carries 3.833 CGPA.

Pertubuhan Golden Key National Honour Malaysia is the first nation academic honour organisation. "…as far as I am concerned, Golden Key is the only society where the students are invited personally by the Vice Chancellor and Deputy Vice Chancellor of Student Affairs to join as member," said the Vice Chancellor in his keynote address, "…as academic excellent students, you should help those who are poor academically so that everyone has the chance to join this elite society".

The objective of Golden Key is to unite diverse individuals while nurturing and rewarding the academic efforts of top students in all disciplines. Since its inception in 1977, the society has chartered at universities in the U.S., Puerto Rico, the Virgin Islands, Australia, Canada and Malaysia. With more than 800,000 lifetime members, Golden Key is committed to the recognition, encouragement and promotion of scholastic excellence.

Golden Key chapters are active, student-run organisations on campuses. They vigorously create, organise and manage projects which promote academic achievement, serve the community and provide valuable social interaction.

The ceremony went smoothly and ended with performance from the university's conservatoire. "What a ceremony! This is the best among the three chapters in Malaysia." said Mr. John, the Director of Motorola Incorporation of Singapore. The Universiti Teknologi Malaysia was the first chapter in Malaysia which joined in 1996 followed by Universiti Malaya two days ago.

## KUIZ SAINS ALAM SEMULA JADI

*Paiman bin Bawon, Fakulti Perhutanan*

Ogos 21, 1998 - Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia dengan kerjasama Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia telah menganjurkan Pertandingan Kuiz Sains Alam Semula Jadi 1998 Peringkat Kebangsaan bagi pelajar sekolah menengah baru-baru ini di Kampung Buku, Langkawi. Pertandingan ini merupakan salah satu aktiviti dalam program penggalakkan sains dan teknologi Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pasukan Negeri Kelantan yang diwakili oleh Ahmad Afifi Ismail, Hafeez Abdul Alim dan Ahmad Karami Ismail telah berjaya menjadi johan, manakala tempat kedua disandang oleh Sarawak dan ketiga Pulau Pinang. Dua negeri lain yang bertanding ialah Melaka dan Kedah. Johan pasukan telah menerima Piala Pusingan ESSO, replika iringan, wang tunai RM150 seorang, sijil penyertaan dan wang tunai 1250 untuk sekolah.



*Berjaya … peserta kuiz dari Negeri Kelantan menerima hadiah dari Tan Sri Dato' Seri Sanusi bin Junid, Menteri Besar Kedah.*

Perasmian penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Sanusi bin Junid, Menteri Besar Kedah. Dalam ucapannya beliau yakin usaha murni penganjuran kuiz seperti ini boleh menanamkan minat membaca dan rasa sayang terhadap alam semula jadi di samping mengembangkan ilmu pengetahuan mengenainya.

Pertandingan kuiz ini telah masuk tahun ke-20 dan mendapat penajaan utama dari Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar dan Syarikat-Syarikat ESSO Malaysia.

## ESSO sumbang cek RM35,000

**Serdang : Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menerima cek bernilai RM35,000 sumbangan ESSO pada 12 Ogos yang lepas bertempat di Fakulti Perhutanan, UPM. Cek ini telah disampaikan oleh Datuk Philip J. Dingle, Pengerusi Syarikat-Syarikat ESSO Malaysia kepada UPM yang diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Tan Sri Dr. Syed Jalaludin Syed Salim.**

**Sumbangan ini adalah untuk membiayai program Kuiz Sains Alam Semula Jadi 1998 dan Eseiton 1998. Kedua-dua aktiviti ini merupakan sebahagian daripada program penggalakan sains pelajar sekolah yang dianjurkan bersama oleh Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Fakulti Perhutanan UPM.**

**Prof. Tan Sri Syed Jalaludin menyatakan harapannya agar Kuiz Sains Alam Semulajadi dan Eseiton, keprihatinan terhadap pengurusan sumber, khususnya sumber hutan, secara rasional dapat diterap di hati pelajar-pelajar.**

**Prof. Syed berkata, "Penyertaan kuiz dan eseiton semakin meningkat setiap tahun. Ini menunjukkan bahawa pemupukan rasa cinta terhadap alam semulajadi kian bertambah di kalangan pelajar sekolah, khususnya. Secara tidak langsung ia merupakan satu strategi yang cukup berkesan kerana di sinilah dapat kita tanam ke jiwa anak-anak kita semangat untuk menjaga keindahan, pengekalan dan kestabilan alam sekitar."**



# Program Kembar UPM - KYM Cemerlang

Program Kembar Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan Kolej Yayasan Melaka (KYM) telah berjalan hampir tiga semester. Rekod kemasukan menunjukkan selain daripada jumlah kemasukan pelajar telah meningkat sepanjang tiga semester, ia juga telah menarik pelajar dari daerah-daerah di luar negeri Melaka. Jika dahulunya warga KYM terdiri hanya daripada pelajar Melaka dan segelintir pelajar dari selatan Semenanjung, kini pemdaftaran meliputi pelajar dari Terengganu, Pulau Pinang dan juga Perlis. Untuk menguji keberkesanan Program Kembar UPM-KYM ini, 'Tribun' telah menyoal-selidik sekumpulan pelajar Bacelor Sastera Bahasa Inggeris daripada KYM. Mereka terdiri daripada 73 orang pelajar semester 3 dan kesemuanya guru-guru sekolah yang gigih menjalani program ini pada setiap hujung minggu.

Perkara utama yang memotivasikan mereka untuk menyertai program ini adalah kebolehan mereka untuk meneruskan perkhidmatan perguruan masing-masing dengan mendapat gaji penuh dan tanpa mengambil cuti untuk belajar. Mereka tidak perlu lagi meninggalkan keluarga untuk jangkamasa yang panjang. Malah pihak sekolah juga tidak perlu kehilangan tenaga pengajar yang mengambil cuti belajar.

Hampir semua pelajar-pelajar ini menganggap peluang keemasan yang diberikan ini sebagai satu langkah yang dapat mempertingkatkan diri serta kelayakan masing-masing. Mereka telah meluahkan kepuasan mereka terhadap kursus-kursus yang ditawarkan, terutama kursus-kursus yang menyediakan mereka untuk menghadapi era IT yang semakin mencabar ini.

Namun setiap yang baru itu ada kelemahannya dan di antara masalah utama yang menjadi rungutan pelajar-pelajar ini adalah tentang jarak dan lokasi dewan kuliah serta keadaan bilik-bilik kuliah yang kurang kelengkapannya.

KYM prihatin tentang masalah yang dihadapi dan kini sebuah bangunan baru yang akan dimuatkan dengan bilik-bilik kuliah yang canggih sedang dibina bersebelahan dengan bangunan KYM.

Ditanya tentang perasaan mereka sebagai kumpulan pertama Program Kembar UPM-KYM, 73 orang pelajar ini juga sebulat suara meluahkan rasa bangga kerana mereka akan dicontohi dan mereka juga merupakan kumpulan pertama yang akan bergraduat dari KYM dengan ijazah Bacelor Sastera.

# Pesta Jualan Menguntungkan

Pesta Jualan Sempena Konvo Ke 22 UPM telah berjalan dengan jayanya dan mendapat lebihan perbelanjaan pengurusan yang memuaskan. Hasil keuntungan telah diagihkan kepada tabung badan pertubuhan di UPM termasuk Badan Perwakilan Majlis Pelajar (MPP) dan pertubuhan-pertubuhan lain. Pecahannya adalah seperti berikut :

| | | |
|---|---|---|
| Persatuan Pegawai Akademik | = | RM2,500 |
| Persatuan Pentadbir UPM | = | RM2,500 |
| MPP | = | RM3,000 |
| Kepertama | = | RM4,000 |
| PERMATA | = | RM 500 |
| Tabung Sosial Kebajikan Kakitangan UPM | = | RM 500 |
| Taman Penyelidikan Universiti | = | RM1,500 |
| Dana UPM | = | RM2,000 |


En. Omar Hj. Osman

Semua pembelian alatan elektrik sebanyak RM3,000 diserahkan kepada Bahagian Pembangunan UPM - Unit Elektrik. Jumlah wang tunai = **RM16,500**. Penyerahan wang-wang agihan dibuat di Mesyuarat Pagi Isnin pada 17 Ogos 1998 oleh Pengerusi Pesta Jualan merangkap Presiden KEPERTAMA, UPM iaitu En. Omar Hj. Osman

# *Kedai Mesra* di UPM



Stesen Minyak Koperasi Universiti Putra Malaysia Berhad telah menyambut ulangtahun dekad pertama penubuhannya pada 8 Ogos 1998 yang lepas. Pada masa yang sama, **Kedai Mesra** yang telah beroperasi selama sebulan di stesen ini juga telah dirasmikan oleh Pengerusi Koperasi UPM Berhad, Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Mohamed, yang mewakili Naib Canselor. Dalam ucapannya, Dr. Zainal meluahkan perasaan puas hati dengan perkhidmatan yang disediakan oleh stesen ini sepanjang 10 tahun. Lokasi **Kedai Mesra** strategik, iaitu berhampiran dengan lebuhraya KL.




# PAMERAN UPM DAPAT SAMBUTAN HANGAT DI JAKARTA DAN BANDUNG


*Najib : Dari UPM..... "Universiti Terbesar di Malaysia"*

Seramai lebih 2,000 orang pengunjung telah mengunjungi ruang pameran UPM di Jakarta dan 1,500 lagi di Bandung untuk mendapatkan maklumat mengenai pelbagai program pengajian yang ditawarkan oleh UPM di Pameran Pendidikan Malaysia '98 di kedua-dua bandaraya Indonesia itu pada 9 hingga 13 Ogos 1998 yang lepas.

Menurut Amiruddin Abd. Aziz, Pegawai Tadbir yang mengendalikan urusan pameran bagi pihak UPM, lebih daripada 500 pengunjung telah menunjukkan minat yang mendalam terhadap pelbagai program pengajian yang ditawarkan oleh UPM terutamanya bagi program Master dan PhD. Sebanyak 500 borang permohonan masuk ke program Master dan PhD, Akhbar Tribun Putra dan tiga kotak brosurpelbagai program telah habis diedarkan kepada para pengunjung yang berminat.

Walaupun UPM memberi tumpuan kepada program pengajian siswazah, permintaan terhadap program ijazah pertama juga mendapat tumpuan dari rakyat Indonesia terutama dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang ini dimana kos pengajian di negara-negara barat jauh lebih tinggi berbanding Malaysia tambahan pula dengan kemampuan Malaysia menjadi sebuah pusat kecemerlangan pendidikan dirantau ini.

Seramai 5 orang pegawai dari UPM telah turut serta dalam menjayakan pameran tersebut, diketuai oleh Prof. Dr. Kamel Ariffin Mohd. Atan, Timbalan Naib Canselor (Akademik), Prof. Dr. Mohd. Ghazali Mohayidin, Timbalan Dekan Pusat Pengajian Siswazah, Prof. Dr. Wan Sulaiman Wan Harun, Pengarah Pusat Program Luar, Prof. Dr. Azahari Ismail, Pengarah IDEAL dan Amiruddin Abd. Aziz dari Bahagian Canselori serta dibantu oleh 5 orang bekas pelajar Indonesia yang pernah belajar di UPM.

Pameran kali kedua ini yang sebelumnya diadakan di Brunei merupakan aktiviti Kementerian Pendidikan yang bertujuan mempromosi Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta di Malaysia ke peringkat antarabangsa bagi mencapai hasrat negara untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlang pendidikan serantau yang mempu menyediakan pendidikan tinggi yang berkualiti setanding dengan negara-negara barat. Disamping UPM terdapat hampir 50 IPTA dan IPTS lain yang menyertai pameran tersebut yang telah diadakan di dua buah hotel terkemuka di Jakarta dan Bandung. Pameran ini telah dirasmikan bersama oleh Menteri Pendidikan Malaysia, YB Dato Seri Mohd. Najib bin Tun Hj. Abdul Razak dan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia Prof. Dr. Juwono Sudarsono. Prof. Dr. Kamel Ariffin b. Mohd. Atan, Timbalan Naib Canselor (Akademik) telah menyampaikan cenderamata kepada Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia semasa beliau melawat ruang pameran UPM.

Menurut Encik Amiruddin, UPM telah mengedar pelbagai maklumat mengenai semua program yang dirasakan dapat memenuhi permintaan rakyat Indonesia. Antara kursus yang mendapat perhatian di kalangan pengunjung pameran adalah Program Pengurusan, Ekonomi MBA, Kejuruteraan, Sains dan Alam Sekitar, Perubatan, Pentadbiran Perniagaan, Pertanian, Komputer, Rekabentuk dan Senibina, Komunikasi, Pendidikan, Bahasa Moden, Sastera dan Pendidikan Jarak Jauh. Katanya lagi, Universiti Putra Malaysia telah dapat meyakinkan pengunjung-pengunjung mengenai kewibawaan dan kemampuannya dalam menyediakan program yang berkualiti serta prasarana yang berteknologi dan UPM merupakan sebuah model universiti bagi masa hadapan. Keempat-empat pegawai utama yang mengendalikan urusan perbincangan dan penerangan di pameran tersebut berjaya menonjolkan imej UPM sebagai sebuah universiti bertaraf dunia. Usaha ini mendapat sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh bekas pelajar-pelajar Indonesia yang pernah menuntut di UPM Dengan penerangan dari mereka segala maklumat dapat disampaikan dengan jelas dan terperinci. Pembentangan Seminar oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik) dikeduadua tempat juga telah dapat menjelaskan lagi penerangan mengenai UPM kepada para pengunjung pameran.

Encik Amiruddin menjelaskan juga bahawa pelbagai soalan telah ditimbulkan oleh pengunjung-pengunjung bagi mendapatkan kepastian dan penjelasan secara terperinci. Antaranya mengenai program-program yang ditawarkan, yuran pengajian, kos hidup, pengiktirafan, lokasi universiti, keperluan bahasa, kemudahan yang disediakan dan kemudahan biasiswa atau pinjaman.

Penyertaan pameran buat kali kedua ini dijangka dapat mempertingkatkan bilangan pelajar-pelajar pengajian siswazah selaras dengan objektif UPM untuk meningkatkan bilangan pelajar pengajian siswazah. Pada masa ini sudah terdapat seramai 3,041 orang pelajar peringkat ini di UPM.

